

14) PROJEK SELANGOR PENYAYANG

Adun : Y.B. Tuan Yew Jia Haur (Teratai)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) **Berapakah jumlah projek mengecat bangunan pangsapuri kos rendah dan sederhana yang telah dilaksanakan di bawah inisiatif Program Selangor Penyayang (PSP) bagi tahun 2023, 2024 dan 2025?**

LPHS secara dasarnya telah dilantik dan dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana bagi kerja-kerja mengecat Pangsapuri Kos Rendah / Sederhana Rendah / Sederhana dengan menggunakan peruntukan khas Akaun Tabung Amanah di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor.

Penggunaan peruntukan di bawah PSP ini adalah untuk memastikan segala hasil kutipan Kerajaan Negeri dapat dikembalikan kepada rakyat sepenuhnya. Ianya dilihat berjaya serta memberi impak yang baik terhadap rakyat negeri Selangor khususnya yang tinggal di kawasan perumahan berstrata (bertingkat).

Berikut adalah perincian bagi kerja-kerja mengecat pangsapuri bagi tahun 2023 sehingga 2025 :

TAHUN	PERMOHONAN	CATATAN	PERUNTUKAN YANG DIGUNAKAN
2023	39	Siap Kerja	RM9,175,535.35
2024	16	Siap Kerja	RM4,539,842.95
2025	9	Masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan	RM5,903,000.00 (Anggaran Kos)

Untuk makluman, Dun Teratai telah mendapat kelulusan pelaksanaan PSP bagi kerja-kerja mengecat pada tahun 2024. Kerja-kerja mengecat 3 blok di Flat Taman Muda dengan kos lebih kurang RM345,000.00 telah siap dilaksanakan pada 27 Mei 2025. Dimaklumkan pihak LPHS tidak menerima sebarang permohonan pelaksanaan PSP untuk tahun 2025 bagi Dun Teratai.

b) Berapakah jumlah peruntukan keseluruhan yang telah digunakan bagi tujuan tersebut?

Untuk makluman, jumlah peruntukan keseluruhan yang telah digunakan pada tahun 2023 adalah sebanyak **RM9,175,535.35** daripada peruntukan RM10 juta yang telah diluluskan.

Manakala jumlah peruntukan keseluruhan yang telah digunakan pada tahun 2024 pula adalah sebanyak **RM4,539,842.95** daripada peruntukan RM10 juta yang telah diluluskan.

Oleh yang demikian, jumlah peruntukan keseluruhan yang telah digunakan untuk PSP bagi **tahun 2023 dan 2024** adalah sebanyak **RM13,715,378.30**.

Bagi tahun 2025 pula, dianggarkan kos bagi 9 permohonan sekiranya dipersetujui dan diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Pemilihan (Mengecat) PSP (JTPM-PSP) adalah sebanyak **RM5,903,000.00**.